

10 MAR 2004

PILIHAN RAYA: RAKYAT MALAYSIA TOLAK ISLAM MELAMPAU - DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Umno sentiasa mengalahkan PAS pada pilihan raya-pilihan raya umum sebelum ini kerana rakyat Malaysia menolak sebarang bentuk Islam yang melampau, kata bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Kita menganggap Islam sebagai Islam yang asas, Islam fundamental... yang bukannya penghalang kepada pembangunan negara bagi kehidupan yang sihat, hubungan baik, keamanan dan keharmonian di kalangan orang Islam dan bukan Islam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pusat Pemuliharaan Muzium Kesenian Islam di sini hari ini.

Beliau berkata Barisan Nasional (BN) akan beroleh kemenangan yang lebih baik pada pilihan raya umum ke-11 ini memandangkan PAS tidak mempunyai isu lagi untuk menarik perhatian pengundi.

Dr Mahathir berkata terpulang kepada kepimpinan Umno untuk memastikan strategi bagi kemenangan pada pilihan raya umum kali ini yang tarikh pengundiannya pada 21 Mac.

-- BERNAMA
ZUZ KHY RON